

DATE: 18/9/2010

# Proton tak bimbang bergabung

UM-18/09/2010

Oleh FAIZAH IZZANI ZAKARIA  
pengarang@utusan.com.my

**KUALA LUMPUR** 17 Sept. – Bekas Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad berkata, Proton tidak terlalu bimbang untuk bergabung dengan mana-mana syarikat automotif yang lain buat masa ini.

Menurut beliau yang juga Penasihat Proton, keadaan syarikat pengeluaran kereta nasional itu terutama kedudukan kewangannya pada masa kini adalah baik, malah masih mampu mencatatkan keuntungan berganda.

“Kami tidak terlalu bimbang tentang penggabungan. Ia sedang melalui proses penstrukturan semula

dan selepas itu ia akan menilai semula aset-aset.

“Kemudian baru kami akan memikirkan untuk bekerjasama dengan syarikat automotif lain. Itu pun jika mereka bersetuju,” katanya pada sidang akhbar selepas melancarkan firma penasihat kewangan First Sovereign Advisory (FSA) di sini hari ini.

FSA merupakan firma penasihat kewangan berdasarkan Islam yang pertama beroperasi di Malaysia bertujuan merealisasikan kebebasan kewangan bagi semua pelanggannya melalui perancangan kewangan yang mantap dan berkesan.

Dr. Mahathir diminta mengulas mengenai perancangan masa depan Proton melalui penggabungan de-

ngan syarikat pengeluaran kereta yang lain.

Beliau berkata, buat masa ini juga, tawaran kerjasama antara Proton dengan syarikat lain adalah terbuka kepada sesiapa sahaja yang berminat untuk berkongsi kemahiran dan kapasiti tertentu yang dimiliki syarikat itu.

Dalam pada itu, mengulas mengenai cadangan Lembaga Pembangunan Perindustrian Malaysia (MIDA) untuk membawa masuk lima syarikat automotif asing yang berminat menjadikan Malaysia sebagai hab pemasangan kereta berteknologi hijau di rantau ini, Dr. Mahathir berkata:

“Kerajaan patut mengkaji semula cadangan itu. Kita perlu beroperasi

sendiri dan tidak perlukan syarikat dari luar untuk membangunkan teknologi itu.”

MIDA baru-baru ini menyatakan ia sedang menilai permohonan lima syarikat asing itu termasuk membenarkan ia membangunkan pusat pemasangan kenderaan elektrik dan hibrid dengan anggaran pelaburan mencecah berbilion ringgit.

Mengulas mengenai perbankan Islam, Dr. Mahathir berkata, sektor itu kini semakin mendapat perhatian dan tempat, bukan sahaja di kalangan umat Islam malah bukan Islam juga.

Ini kerana katanya, ramai mula menyedari perbankan menurut sistem Islam membawa kelebihan yang

lebih baik dan mengikut syariat berbanding sistem konvensional.

“Amat penting untuk kita merebut peluang kerana sistem kewangan dan perbankan Islam sebenarnya membuka lebih banyak peluang dan ruang kepada pertumbuhan ekonomi yang lebih realistik. Ia bukan ekonomi yang berdasarkan spekulasi yang hanya mengayakan spekulator semata-mata,” katanya.

Sementara itu, Ketua Pegawai Eksekutif FSA, Anuar Shuib berkata, peranan utama syarikat itu adalah menyediakan nasihat kewangan dari perspektif syariah kepada setiap individu beragama Islam termasuk perancangan zakat seperti yang digariskan di dalam al-Quran.